



كِبْرِيَا بِنْتِي قِيْلَ بِرَا اَلْاِمْتِيَانِ

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN

NEGERI KEDAH DARUL AMAN

ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN

05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-702 7795

Laman Web : pkpk.kedah.gov.my

E-mail : pkpk@kedah.gov.my



KEDAH SEJAHTERA
NIKMAT UNTUK SEMUA

Ruj. Kami : PBN(Ked)400-18/16Jilid.2(58)

Tarikh : 3 Mei 2023

SEMUA PEGAWAI PENGAWAL / KETUA JABATAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

YB Dato' Paduka / YB Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan,

**SEMAKAN LAPORAN HARIAN BUKU VOT DAN LAPORAN BUKU AKAUN
AMANAH**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YB Dato' Paduka / YB Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan, semakan Laporan Harian Buku Vot dan Laporan Buku Akaun Amanah hendaklah dibuat oleh penyedia PTJ/Jabatan setiap kali berlakunya urusan di Sistem iSPEKS merujuk kepada Arahan Perbendaharaan [AP 95(a)(e)] dan Surat Arahan Operasi Bil. 4/2018, **Semakan Laporan Harian Buku Vot Mengurus, Pembangunan, Amanah, Deposit Dan Buku Tunai Jabatan bertarikh 5 Jun 2018.**

AP 95(a)(e)

Buku vot atau buku vot elektronik hendaklah diperiksa sekurang-kurangnya sebulan sekali oleh penyedia dengan menurunkan tanda tangan ringkas.

3. Sekiranya didapati hasil semakan laporan-laporan tersebut tidak tepat, mohon pihak YB Dato' Paduka / YB Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan menyertakan **Laporan Harian Buku Vot atau Laporan Buku Akaun Amanah dan menandakan Nombor Dokumen** yang menjadi punca masalah ketidakbetulan laporan tersebut bagi memudahkan tindakan semakan dan pembetulan oleh pihak Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Kedah.

4. Sila kemukakan laporan-laporan yang bermasalah tersebut kepada Unit Perakaunan Dan Pengurusan Kewangan (Akruan) di alamat emel helpdesk1speks@kedah.gov.my untuk tindakan lanjut.

..2/-

(2)

Ruj. Kami : PBN(Ked)400-18/16Jilid.2(58)

5. Kerjasama dan perhatian YB Dato' Paduka / YB Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan dalam perkara ini amatlah diharapkan dan dihargai bagi memastikan rekod di Laporan Harian Buku Vot dan Laporan Buku Akaun Amanah di PTJ/Jabatan adalah tepat.

Sekian terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ABDUL MAJID BIN SALLEH, C.A.(M), CPA(M))

Bendahari Negeri

b.p. Pegawai Kewangan Negeri

Kedah Darul Aman

Tel: 04-7027847/7027789

Email: pkpk_akruan@kedah.gov.my